

# E-Konvensyen Keusahawanan 2021: Jalinan kolaboratif Malaysia dan Indonesia di dalam bidang keusahawanan

UB 11.06.2021 P. 06

**KOTA KINABALU:** JAKMAS Kolej Kediaman Antarabangsa 1 Borneo (UMS) dengan kerjasama Unit Kediaman Luar Kampus (UPSI), Fakultas Ekonomi (UNAND), Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Sabah dan Page Eight Kota Kinabalu, Sabah menganjurkan program bersama buat julung-julung kalinya pada tahun ini.

Penganjuran Program E-Konvensyen Keusahawanan 2021 (EKON 2021) dijalankan bukan sahaja bertujuan mengeratkan jalinan kerjasama di antara kedua-dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia tetapi juga sekali gus memberi pengetahuan dan pengalaman kepada bakal usahawan muda bagi kedua-

dua negara khususnya dalam tempoh pandemik COVID-19 pada ketika ini.

Pengarah Program E-Konvensyen Keusahawanan 2021 (EKON 2021), Nur Fatin Zafirah Jamine, menyifatkan program selama dua hari ini memberi perkongsian pengetahuan dan pengalaman daripada barisan panel kedua-dua negara di mana ia memberi suatu pemahaman yang baik berkenaan bidang keusahawanan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Selain itu, ia menjadi persediaan mahasiswa setelah menamatkan pengajian dan menjelaskan kaki ke dunia luar kelak.

Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin di dalam ucapan perasmianya, san-

gat mengalu-alukan jalinan kerjasama kolaboratif di antara kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia bukan sahaja di dalam bidang keusahawanan tetapi juga di dalam bidang-bidang lain.

Program ini turut dihadiri oleh Pengetua Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher UMS, Wijaya Kamal Ramli, wakil daripada Unit Kediaman Luar Kampus (UPSI), Muhammad Asri Seman, Ares Albirru Amsal, wakil daripada Fakultas Ekonomi (UNAND), Ali @ Zainal Maidin, wakil daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Sabah serta wakil pengurus dan pentadbiran Kolej Kediaman Luar UMS (KK1B dan KKAKF).



**KENANGAN:** Sesi bergambar bersama Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin bagi Program E-Konvensyen Keusahawanan 2021 (EKON 2021).